



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO AR 5415

Ruj. Kami : Bil (07) JKWPKL (K)/131-1 Jld 9
Tarikh : 27 Julai 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**PENGESAHAN DAN SOKONGAN KETUA JABATAN BAGI TUJUAN
PERMOHONAN PINJAMAN PERIBADI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Seperti Tuan/Puan sedia maklum, Bahagian Pengurusan (Unit Kewangan Pusat Tanggungjawab yang membayar gaji) bertanggungjawab untuk mengesahkan jawatan dan permohonan pinjaman peribadi penjawat awam di JKWPKL & P. Namun demikian, perkara ini dikhuatiri boleh menjerumuskan penjawat-penjawat awam ke arah keberhutangan yang serius sekiranya maklumat permohonan yang dikemukakan adalah tidak benar. Walaupun penyata slip gaji menunjukkan penjawat masih mempunyai baki gaji yang banyak (sekurang-kurangnya 40% dari gaji bersih), berkemungkinan juga terdapat hutang-hutang lain yang tidak dicatatkan di dalam slip gaji mereka.

3. Sehubungan itu, bagi mengetatkan lagi proses permohonan pinjaman peribadi, Jabatan telah mengambil langkah untuk mengeluarkan **Prosedur Permohonan Pinjaman Peribadi di JKWPKL & P.** Tuan/Puan perlu membuat pengesahan sama ada menyokong/menolak permohonan penjawat masing-masing sebelum permohonan tersebut dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan PTJ masing-masing (**sila rujuk terma PTJ di Lampiran A**). Bersama-sama ini dikemukakan prosedur tersebut untuk kegunaan semua penjawat awam di bawah seliaan Tuan/Puan. Prosedur ini juga boleh diakses di laman web jabatan <http://jknkl.moh.gov.my>. Adalah diingatkan bahawa hanya permohonan yang lengkap dan mematuhi arahan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bil. 2/2007 sahaja akan diterima sebelum sokongan kepada permohonan ini dikemukakan kepada pihak bank. Selain itu, setiap permohonan yang berjaya perlu direkodkan untuk tujuan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menutus perintah,


(DR. ISMAIL BIN ABU TAAT)
Pegarah (No. MMC : 23752)
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya
Zza/tks/driat/kew-jul-2011

SURAT SOKONGAN KETUA JABATAN
(sama ada TPK / Pegawai Yang Menjaga / Ketua Unit)

Ruj. Kami :
Tarikh :

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
(u.p : Unit Sumber Manusia dan Unit Kewangan PTJ*)

Tuan,

SOKONGAN BAGI PINJAMAN PERIBADI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya telah membuat semakan kedudukan kewangan penama seperti berikut :

Nama	:
No. Kad Pengenalan	:
Jawatan	:

3. Saya dengan ini menyokong / menolak permohonan pinjaman peribadi bagi calon ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Nama TPK / Pegawai Yang Menjaga / Ketua Unit)
Jawatan TPK / Pegawai Yang Menjaga / Ketua Unit
Tempat bertugas

**SURAT PENGESAHAN JAWATAN DAN AKUAN PENJAWAT
(dikeluarkan oleh Unit Sumber Manusia, PTJ* JKWPKL & P)**

Ruj. Kami :
Tarikh :

Nama dan alamat bank

Tuan,

**PENGESAHAN JAWATAN DAN GAJI PENJAWAT JABATAN KESIHATAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa penama di bawah merupakan penjawat awam di Jabatan ini seperti berikut :

Nama	:
No. Kad Pengenalan	:
Jawatan	:
Tarikh Mula Berkhidmat	:
Tarikh Sah Jawatan	:
Taraf / Status Jawatan	:
No. Gaji	:
Gaji Pokok (termasuk elaun)	:
Gaji Bersih	:
Baki Gaji (%)	:

3. Sehubungan itu, pegawai **disokong / tidak disokong** untuk tujuan permohonan apa-apa pinjaman tak bercagar tidak melebihi 60% daripada gaji bersih selaras dengan arahan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bii. 2/2007.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Pegawai Kewangan di PTJ* masing-masing)
b.p Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya

LAMPIRAN A

SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB

* Dalam hal ini, PTJ adalah merujuk kepada Pusat Tanggungjawab yang membayar gaji penjawat awam. Hal ini membolehkan semakan gaji dibuat sebelum kelulusan diberikan.

BIL	BAHAGIAN TERLIBAT	PEGAWAI KEWANGAN
1	Pejabat Pengarah Bahagian Kesihatan Awam Bahagian Perubatan Bahagian Pengurusan Bahagian Farmasi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Semua Klinik Kesihatan / KKIA di bawah Bahagian Kesihatan Awam	Pegawai Kewangan Ibu Pejabat JKWPKL & P
2	Bahagian Pergigian Semua Klinik Pergigian	Pegawai Kewangan Bahagian Pergigian
3	Hospital Putrajaya	Pegawai Kewangan Hospital Putrajaya
4	PKD Putrajaya Semua Klinik Kesihatan di bawah PKD Putrajaya	Pegawai Kewangan PKD Putrajaya

CHECKLIST
KEPERLUAN PERMOHONAN PINJAMAN PERIBADI PERINGKAT JKWPKL

1. Dokumen-dokumen keperluan bank

2. Salinan slip gaji bagi tiga (3) bulan terakhir semasa permohonan dibuat

3. Surat pengesahan jawatan dan sokongan Ketua Jabatan (sama ada TPK / Pegawai Yang Menjaga / Ketua Unit)

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN PINJAMAN PERIBADI

